



Headline	Mimos PDRM naik taraf sistem C4I		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	17 Jul 2012	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	197,952
Page No	13	Readership	833,287
Language	Malay	ArticleSize	339 cm ²
Journalist	ilah hafiz aziz	AdValue	RM 6,762
Frequency	Daily	PR Value	RM 27,046



Perangi jenayah melalui sistem aplikasi yang lebih mantap

Mimos-PDRM naik taraf sistem C4I

Oleh ILAH HAFIZ AZIZ

pengarang@utusan.com.my

KUALA LUMPUR 16 Julai - Mimos Bhd. (Mimos) akan memberi 'nafas baru' kepada Unit Perintah Kawalan Komunikasi dan Integrasi Komputer (C4I) yang diguna pakai Polis Diraja Malaysia (PDRM) dalam mengekalkan keselamatan dan ketenteraman awam sejak 10 tahun lalu.

Penambahbaikan oleh Mimos itu dilihat selari dengan peredaran masa dan berupaya memerangi jenayah melalui sistem aplikasi yang lebih mantap.

Ketua Polis Negara, Tan Sri Ismail Omar berkata, Lembah Klang menjadi projek perintis penambahbaikan itu dan sejumlah RM8 juta telah diperuntukkan sejak tahun lalu untuk tujuan pembaharuan sistem C4I.

Katanya, penambahbaikan yang diselia oleh Mimos itu dijangka meliputi seluruh negara dalam tempoh dua hingga tiga tahun lagi.

"Disebabkan kes jenayah yang semakin kompleks, C4I yang digunakan sejak 10 tahun lalu perlu diperbaharui dengan pelbagai aspek yang lebih berkesan untuk memerangi jenayah.

"Kolaborasi dengan Mimos dalam pembangunan C4I yang lebih berkesan pula dilihat sangat signifikan kerana ia merupakan satu

lagi titik-tolak pemantapan perkhidmatan polis ke arah mendekati sistem kepolisian bertaraf dunia.

"Beberapa komponen baru juga akan ditambah di dalam C4I termasuklah keupayaan sistem itu un-

tuk memerangi jenayah, penambahan integrasi pangkalan data, pusat pencarian, sistem pengurusan krisis dan bencana serta kemudahan kamera video pada kereta peronda," katanya.

Beliau berkata demikian selepas menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Mimos yang dihadiri oleh Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Abdul Wahab Abdullah di Mes Pegawai Kanan di Ibu Pejabat Polis Bukit Aman, di sini hari ini.

Dalam perkembangan sama, PDRM sendiri telah memohon peruntukan RM1.5 bilion dalam Rancangan Malaysia Ke-10 untuk melaksanakan sistem C4I ke seluruh negara pada masa hadapan.

Pelaksanaan mengikut beberapa fasa itu turut membabitkan Sabah dan Sarawak dengan peruntukan sebanyak RM300 juta yang dijangka bermula Januari hingga Disember tahun depan.



ISMAIL Omar (duduk, dua dari kiri) dan Abdul Wahab Abdullah (duduk, dua dari kanan) bersama Pengarah Bahagian Logistik, Datuk Pahlawan Zulkifli Abdullah (kiri) dan Ketua Pegawai Operasi Mimos, Abdul Aziz Abdul Kadir menandatangani MoU antara PDRM dan Mimos Bhd. di Bukit Aman, Kuala Lumpur, semalam.